



**MANUAL PENGGUNA BAGI
SSM DIGITAL CERTIFIED TRUE COPY QR READER & WEB
CHECKER**



Disediakan Oleh:

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
13 OKTOBER 2023**

ISI KANDUNGAN

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. SSM DCTC QR CODE READER	2
3.1.JADUAL 1: LANGKAH-LANGKAH UNTUK MUAT TURUN SSM DCTC QR CODE READER MELALUI APLIKASI MYSSM	2
3.2.JADUAL 2: LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGGUNAKAN SSM DCTC QR CODE READER MELALUI APLIKASI MYSSM	3
4. SSM DCTC WEB CHECKER	7
4.1.JADUAL 1: LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENDAFTAR SEBAGAI PENGGUNA SSM DCTC WEB CHECKER	7
4.2.JADUAL 2: LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGGUNAKAN SSM DCTC WEB CHECKER	13
5. PENUTUP	15

1. TUJUAN

Manual pengguna ini disediakan sebagai panduan penggunaan SSM *Digital Certified True Copy* (DCTC) *QR Code Reader* dan *Web Checker* dalam membuat semakan ke atas semua dokumen atau produk SSM DCTC.

2. LATAR BELAKANG

2.1. SSM DCTC *QR Code Reader* dan *Web Checker* merupakan satu aplikasi mudah alih dan sistem yang menyediakan perkhidmatan bagi semakan ketepatan maklumat pada dokumen atau produk SSM yang disahkan benar secara digital. SSM DCTC *QR Code Reader* ini boleh didapati di aplikasi MySSM yang boleh dimuat turun melalui telefon pintar dari Google Play (Android), App Store (iOS) atau Huawei AppGallery manakala *Web Checker* pula merupakan satu perkhidmatan untuk menyemak dokumen atau produk SSM DCTC melalui pautan di <https://ssm4u.com.my>.

2.2. Manual ini disediakan bertujuan untuk menerangkan berkenaan tatacara dan langkah-langkah penggunaan SSM DCTC *QR Code Reader* dan *Web Checker*.

3. SSM DCTC QR CODE READER


3.1. Jadual 1: Langkah-Langkah Untuk Muat Turun SSM DCTC QR Code Reader Melalui Aplikasi MySSM



Langkah	Tindakan
1.	Pengguna perlu memuat turun aplikasi MySSM melalui telefon pintar seperti berikut: a) Pengguna Android – Carian adalah melalui Google Play. Klik pada menu "Install" untuk muat turun aplikasi ini. b) Pengguna IOS – Carian adalah melalui App Store. Klik pada menu "GET" untuk muat turun aplikasi ini. c) Pengguna Huawei – Carian adalah melalui Huawei AppGallery. Klik pada menu "Install" untuk muat turun aplikasi ini.
2.	Selepas aplikasi MySSM di muat turun, ikon MySSM akan terpapar di dalam telefon pintar seperti di bawah: 
3.	Klik pada ikon MySSM dan muka hadapan MySSM akan terpapar: 

Langkah	Tindakan
4.	Icon DCTC QR Code Reader akan dipaparkan seperti di bawah: 


3.2. Jadual 2: Langkah-langkah Untuk Menggunakan *SSM DCTC QR Code Reader* melalui Aplikasi MySSM

Langkah	Tindakan
1.	Klik ikon SSM DCTC QR Code Reader yang terdapat pada aplikasi MySSM di telefon pintar: 

Langkah	Tindakan
2.	Skrin utama akan dipaparkan. Sentuh "TAP SCREEN TO SCAN" untuk memulakan imbasan kod QR: 
3.	Imbas kod QR yang tertera di bahagian bawah sebelah kiri dokumen SSM DCTC yang bercetak: 


Langkah	Tindakan
4.	Salinan dokumen SSM DCTC akan dipaparkan sekiranya imbasan telah berjaya: 
5.	Bagi tujuan semakan, bandingkan dokumen bercetak dengan dokumen yang dipaparkan dalam telefon pintar. Paparan dokumen di dalam telefon pintar merupakan dokumen yang sah disimpan di dalam rekod SSM.
6.	Notifikasi ini akan terpapar sekiranya imbasan berjaya dilakukan tetapi imej dokumen atau produk SSM DCTC tidak terdapat dalam rekod SSM. 

Langkah	Tindakan
7.	Notifikasi ini akan terpapar sekiranya dokumen SSM DCTC yang dikeluarkan adalah tidak sah atau dijana menggunakan <i>public key</i> yang telah tamat tempoh. <i>Public key</i> merupakan kebenaran pengeluaran dokumen SSM DCTC oleh SSM berdasarkan tempoh sah laku. 
8.	Notifikasi ini akan terpapar sekiranya imbasan gagal atau kod QR yang diimbas adalah selain daripada kod QR yang dikeluarkan oleh SSM: 


Langkah	Tindakan
9.	Notifikasi ini akan terpapar sekiranya tiada capaian internet: 




4. SSM DCTC WEB CHECKER



4.1. Jadual 1: Langkah-Langkah Untuk Mendaftar Sebagai Pengguna SSM DCTC Web Checker



LANGKAH	TINDAKAN
1.	Bagi pengguna baharu SSM4U, layari web SSM4U di https://ssm4u.com.my/ dan klik <i>Register</i>: 


LANGKAH	TINDAKAN
2.	Klik drop down di ruangan <i>ID Type</i> dan sila pilih jenis identiti, sertakan maklumat nama, nomborkad pengenalan dan alamat emel. Klik butang <i>Proceed</i> untuk pendaftaran selanjutnya: Please keyin the followings: ID Type* --Please Select-- ID No* Name (fullname as per identity card)* Email* Cancel Proceed Chat with us 

LANGKAH	TINDAKAN
3.	Skrin <i>User Profile Register</i> akan dipaparkan dan pengguna perlu melengkapkan maklumat diruangan <i>Registration Information</i>: 


LANGKAH	TINDAKAN
4.	Tandakan (✓) di ruangan <i>Terms & Conditions</i> dan klik butang <i>Register</i>: 
5.	Klik butang OK untuk mengesahkan penghantaran pendaftaran: 
6.	Skrin akan memaparkan "<i>Registration Success</i>" apabila pengguna berjaya membuat pendaftaran: 



LANGKAH	TINDAKAN
7.	Notifikasi akan dihantar kepada emel pengguna dan pengguna perlu klik "<i>Verify Here</i>" untuk membuat verifikasi emel:  Welcome to SSM4U! Hi Sir/Madam MIA, We are glad that you registered for SSM4U. Please be informed that you have registered as MIA@GMAIL.COM as (Reference number SSM4U2023041100005). To start exploring the SSM4U, kindly click link below to verify your email address. VERIFY HERE Once you have verified your email address, SSM recommends you activate your SSM4U account to enjoy full access on the SSM4U portal. Click link below for more info on activation account: Download Guideline User Activation Account Thank you for using our services. [THIS IS AN AUTOMATED MESSAGE - PLEASE DO NOT REPLY DIRECTLY TO THIS EMAIL] Yours sincerely, SSM4U Admin
8.	Selepas membuat <i>Email Verification</i>, pengguna boleh <i>login</i> ke SSM4U dengan menggunakan <i>login</i> ID dan kata laluan yang telah ditetapkan semasa proses pendaftaran: 



LANGKAH	TINDAKAN
9.	Masukkan ID dan <i>Password</i> seperti yang didaftarkan semasa proses log masuk dan klik butang <i>Sign In</i>: 
10.	Skrin laman utama SSM4U akan dipaparkan. Klik ikon DCTC Web Checker untuk ke skrin Web Checker: 

LANGKAH	TINDAKAN
11.	Skrin <i>Web Checker</i> akan dipaparkan: 

4.2. Jadual 2: Langkah-Langkah Untuk Menggunakan SSM DCTC *Web Checker*

LANGKAH	Tindakan
1.	Isikan maklumat <i>Serial No.</i> yang boleh didapati pada bahagian bawah sebelah kiri dokumen SSM DCTC. (Contoh: MY1911060833420 atau EI1911041607293) dan klik butang <i>Submit</i>: 

LANGKAH	Tindakan
2.	Sekiranya maklumat <i>Serial No.</i> tidak diisi atau tidak lengkap, mesej <i>Invalid CTC Serial Number</i> akan dipaparkan: 
3.	Klik butang <i>Reset</i> untuk padam ruangan <i>Serial No.</i> yang diisi sebelum ini: 

LANGKAH	Tindakan
4.	Sekiranya carian berjaya, skrin akan memaparkan dokumen SSM DCTC di sebelah kanan skrin: 
5.	Mesej <i>CTC record is valid, the document is not available. Please contact enquiry@ssm.com.my for further clarification</i> akan dipaparkan sekiranya carian berjaya dilakukan tetapi dokumen tidak terdapat di dalam rekod SSM.
6.	Mesej <i>CTC document generated is not valid. Please contact enquiry@ssm.com.my for further clarification</i> akan dipaparkan sekiranya dokumen SSM DCTC yang dikeluarkan adalah tidak sah atau dijana menggunakan <i>public key</i> yang telah tamat tempoh. <i>Public key</i> merupakan kebenaran pengeluaran dokumen SSM DCTC oleh SSM berdasarkan tempoh sah laku. 

5. PENUTUP

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung SSM DCTC QR Code Reader dan Web Checker, sila hubungi 03-7721 4000 atau emel enquiry@ssm.com.my.

Disediakan oleh:
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
13 Oktober 2023